

Bagi kategori penjagaan kesihatan, laporan ini telah mengambil kira persoalan “Di manakah pesara boleh mendapatkan rawatan setanding dengan rawatan di Amerika Syarikat?”. Ini dibuat melalui temubual ekspatriat untuk mengetahui situasi sistem kesihatan dalam sesebuah negara. Indikator yang dinilai adalah nisbah jumlah pesakit bagi setiap doktor, jumlah katil hospital bagi setiap 1,000 pesakit, kadar peratusan populasi yang mendapat bekalan air bersih, kadar kematian bayi, jangka hayat serta perbelanjaan perkhidmatan kesihatan awam dari peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Antara faktor utama yang menjadikan Malaysia diiktiraf adalah kos perubatan yang rendah berbanding dengan sebilangan negara lain, serta juga kualiti dan kemahiran pakar perubatan. Prosedur dan rawatan yang diberikan adalah mencapai piawaian antarabangsa, manakala reputasi mereka adalah setanding dengan pakar perubatan di negara maju.

Negara dan kerajaan amat bangga dengan pengiktirafan kualiti perkhidmatan kesihatan negara. Ini merupakan hasil dari perancangan sistematik sistem kesihatan negara. Ia termasuk pemastian penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti melalui pembangunan sistem pendidikan dan latihan perubatan yang bertaraf, mengaplikasikan standard perkhidmatan yang tinggi di kedua-dua sektor awam dan swasta, menguatkuasa perintah-perintah dan peraturan relevan dan memantau perkembangan sistem kesihatan.

Walaupun caj perkhidmatan perubatan sektor swasta dianggap rendah berbanding negara-negara maju, namun bagi rakyat Malaysia, ia masih tinggi lebih-lebih lagi bagi rakyat miskin dan tidak berkemampuan. Dengan itu, Kerajaan prihatin untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi rakyat dengan caj rawatan rendah. Caj rendah ini hanya dapat dicapai melalui subsidi yang diberi oleh kerajaan. Dengan peningkatan bilangan penduduk, bertambahnya bilangan wargatua, penggunaan teknologi baru, peningkatan penyakit kronik dan sebagainya, kelestarian (sustainability) sistem kesihatan berkualiti ini menjadi isu yang perlu ditangani.

Isu ini amat penting bagi pembangunan Malaysia ke arah negara maju dan kesejahteraan rakyat dan sedang dirancang melalui pelbagai cara dan aktiviti yang menjangkau Rancangan Malaysia ke Sepuluh dan ke Sebelas. Antara langkah-langkah dibuat termasuk fokus kepada perkhidmatan kesihatan promosi dan pencegahan, rekayasa ulang proses (process re-engineering) penyampaian kesihatan, meningkatkan penggunaan ICT dan memaksimumkan penggunaan sumber kesihatan serta mengurangkan pembaziran. Langkah-langkah ini akan membuat sistem kesihatan lebih efisien. Pada masa yang sama, negara perlu meningkatkan pelaburan dalam perkhidmatan kesihatan supaya dapat memenuhi keperluan kesihatan rakyat.